

18 JUN 1999

Umno-Reaksi (Veteran)

DR MAHATHIR WAJAR TERUS TERANG MENGENAI KONSPIRASI, KATA TUN GHAFAR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba berkata wajar bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berterus terang mengenai tiadanya konspirasi untuk menjatuhkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya fikir Perdana Menteri mesti berterus terang kerana ini telah menjadi bahan kepada kebanyakan rakyat dengan (andaian) adanya konspirasi," katanya ketika diminta mengulas ucapan dasar Dr Mahathir selaku presiden Umno pada Perhimpunan Agung parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Hal ini, katanya, jika tidak diterangkan mungkin mengakibatkan sokongan rakyat kepada Umno dan kerajaan akan berkurangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurut beliau keseluruhan ucapan Dr Mahathir adalah relevan sekali menjelang pilihan raya.

"Saya yakin Barisan Nasional (yang diterajui Umno) mungkin lebih kuat dan akan membawa kejayaan lebih besar daripada pilihan raya lalu," katanya.

Ghafar yang juga bekas Timbalan Presiden Umno turut memberi "petua" untuk parti itu menang dalam pilihan raya.

"Saya percaya jika Umno bekerja kuat dan mengikut apa arahan Presiden (Dr Mahathir), Umno akan menang lebih besar lagi."

Bekas menteri kabinet Datuk Dr Rais Yatim pula berkata penjelasan Dr Mahathir bahawa tidak wujud konspirasi untuk menjatuhkan Anwar telah sekaligus membersihkan nama Umno dan pemimpinnya dari sebarang tohmahan dan buruk sangka.

Katanya, penjelasan itu memberi keyakinan kepada rakyat supaya tidak lagi menoleh ke belakang tetapi terus berjuang menyediakan diri menghadapi pilihan raya.

Rais yang berkelulusan undang-undang, berkata penjelasan Perdana Menteri mengenai isu Anwar itu tidak mengganggu kes yang sedang dihadapi Anwar di mahkamah.

"Beliau (Dr Mahathir) tak sebut prosedur mahkamah, dia tak sentuh fakta-fakta di mahkamah. Yang disebut memang telah diketahui sebahagian besarnya setakat ini," katanya.

-- BERNAMA

RIZ NZ MAI